



MSIG

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
 Registration No. 197901002705 (46983-W)
 Head Office: Customer Service Centre, Level 15, Menara Hap Seng 2,
 Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur
 Tel +603 2050 8228, Fax +603 2026 8086, Customer Service Hotline 1800 88 MSIG (6744)
www.msig.com.my

A member of **MS&AD** INSURANCE GROUP

INSURANS MSIG MOTOR PLUS

Helaian Pendedahan Produk

Tarikh: Seperti Tarikh Cetakan

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Insurans MSIG Motor Plus. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

1. Apakah keterangan tentang produk ini?

Insurans MSIG Motor Plus merupakan polisi motor komprehensif yang melindungi kerugian atau kerosakan kenderaan anda dan liabiliti terhadap kecederaan atau kematian pihak lain, kerosakan harta pihak lain, dan kerosakan akibat kebakaran atau kemalangan terhadap kenderaan anda atau kecurian terhadap kenderaan anda. Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi bencana khas, perkhidmatan tundaan 24-jam tanpa had dan perlindungan lain.

2. Apakah perlindungan/pilihan tambahan yang disediakan?

Polisi ini mengandungi:

- Kecederaan atau kematian terhadap Pihak Ketiga;
- Kerugian atau kerosakan harta benda terhadap Pihak Ketiga;
- Kerugian atau kerosakan kenderaan anda akibat kebakaran, kecurian atau kemalangan;
- Kemalangan Diri Pemandu (Sila rujuk jadual manfaat di bawah);
- Bencana Khas Penuh - Banjir, Ribut, Ribut Kencang, Tanah Runtuh, Gelinciran Tanah, Penenggelaman Tanah atau Malapetaka yang lain;
- Liabiliti Undang-undang terhadap Penumpang;
- Liabiliti Undang-undang untuk Penumpang;
- Pengecualian untuk Ekses Wajib;
- Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam; dan
- Perkhidmatan Tundaan 24-Jam Tanpa Had.

Kemalangan Diri Pemandu **DIPERBAHARUI**

Manfaat-manfaat	Had Manfaat
Kematian Kemalangan & Hilang Upaya Kekal	RM30,000
Hilang Upaya Separa Kekal	Sila rujuk kontrak polisi untuk Jadual Manfaat Hilang Upaya
Perbelanjaan Perubatan	RM2,000
Perbelanjaan Pengebumian dan Pembakaran	RM3,000
Elaun Perkabungan	RM1,000
Bayaran Ambulans	RM500
Pendapatan Hospital (maksimum 60 hari)	RM75 setiap hari
Pembedahan Kosmetik Muka/Pergigian	RM1,000
Kemalangan masa cuti umum seluruh Malaysia sahaja, terpakai untuk kematian kemalangan atau lumpuh seluruh anggota secara keseluruhan)	RM60,000

Pilihan Perlindungan Tambahan Motor yang anda boleh beli dengan membayar premium tambahan:

Kereta Persendirian:

- Perlindungan Cermin Kereta
- Perlindungan bagi Aksesori yang dipasang pada Kereta Anda
- Pampasan NCD Tahun Semasa
- Pampasan untuk Tempoh Pembaikan yang Dianggarkan (CART)
- Perlindungan Kunci Pintar (Bukan Tarif)

Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada risalah perlindungan tambahan motor untuk semua pilihan tambahan motor yang ada di bawah polisi ini.

Nota: Adalah satu kesalahan di bawah undang-undang Republik Singapura untuk memasuki Negara tersebut tanpa perlindungan liabiliti penumpang di dalam insurans kenderaan anda.

Tempoh Perlindungan adalah untuk setahun. Anda perlu membuat pembaharuan tahunan insurans.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Apakah perbezaan antara Insurans MSIG Motor Plus dan Kereta Persendirian Komprehensif MSIG?

Perbandingan perlindungan dan contoh premium antara Insurans MSIG Motor Plus dan polisi motor persendirian komprehensif standard ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Maklumat Kenderaan		
	• Tahun Pembuatan	: 2016
	• Model	: Toyota Vios 1.5L Automatik
	• Jumlah Diinsuranskan	: RM42,000
	• Diskaun Tanpa Tuntutan	: 55%
Produk	Insurans MSIG Motor Plus	Kereta Persendirian Komprehensif MSIG
Perlindungan	<ul style="list-style-type: none"> • Kecederaan atau kematian terhadap Pihak Ketiga; • Kerugian atau kerosakan harta benda terhadap Pihak Ketiga; dan • Kerugian atau kerosakan kenderaan anda akibat kebakaran, kecurian atau kemalangan. 	
Anggaran Premium Asas	RM 678.89	
Perlindungan Tambahan	Termasuk dalam polisi ini	Dengan premium tambahan
1. Kemalangan Diri Pemandu *	RM 244.40	RM 70.00
2. Bencana Khas Penuh		RM 84.00
3. Liabiliti Undang-undang terhadap Penumpang		RM 33.75
4. Liabiliti Undang-undang untuk Penumpang		RM 7.50
5. Pengecualian untuk Ekses Wajib		RM 25.00
6. Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam		RM 126.00
7. Perkhidmatan Tundaan 24-Jam Tanpa Had		RM 20.00
Pilihan Perlindungan Tambahan		
Pengecualian Kos Penambahbaikan**	RM 85.00	RM 85.00
Anggaran Jumlah Premium	RM 1,008.29	RM 1,130.14

*Perlindungan Tambahan Kemalangan Diri Pemandu dipertingkatkan untuk polisi MSIG Motor Plus sahaja.

**Premium yang ditunjukkan di atas tidak termasuk kadar eksklusif untuk perlindungan tambahan Pengecualian Kos Penambahbaikan. Ia hanya terpakai untuk pemegang polisi MSIG Motor Plus yang membeli perlindungan tambahan ini untuk kenderaan yang dilindungi dengan jumlah yang diinsuranskan melebihi RM100k.

4. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Pada fasa pertama liberalisasi motor, premium yang perlu anda bayar akan berdasarkan ciri-ciri risiko. Semakin tinggi potensi risiko, semakin tinggi premium. Semakin rendah potensi risiko, semakin rendah premium.

Sebagai contoh:

	RM
Premium Asas	XXX
Tolak NCD (jika ada)	(XXX)
Tambah Pilihan Perlindungan Tambahan	XXX
Tolak Rebat	(XXX)
Tambah Cukai Perkhidmatan	XXX
Tambah Duti Setem	10.00
Jumlah perlu dibayar	XXX

Jumlah yang diinsuranskan adalah berdasarkan nilai pasaran semasa kenderaan merujuk kepada pangkalan data sistem penilaian kenderaan ISM-ABI.

Rebat - Individu yang membeli perlindungan insurans am secara langsung daripada syarikat insurans akan layak mendapat rebat 10% daripada Premium Kasar.

Diskaun Tiada Tuntutan - Premium yang dibayar boleh dikurangkan jika anda layak untuk Diskaun Tiada Tuntutan (No-Claim-Discount, NCD). NCD merupakan ganjaran kepada anda kerana tidak membuat tuntutan ke atas polisi anda sepanjang 12 bulan lalu. Kadar NCD yang berbeza disediakan untuk kelas kenderaan yang berbeza:

Tempoh Insurans	Kereta Persendirian - NCD
• Selepas tahun pertama insurans	• 25%
• Selepas tahun kedua insurans	• 30%
• Selepas tahun ketiga insurans	• 38.33%
• Selepas tahun keempat insurans	• 45%
• Selepas lima tahun atau lebih insurans	• 55%

5. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
• Duti Setem	• RM10.00
• Cukai Perkhidmatan	• 8% daripada premium

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung polisi ini.

6. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- **Kepentingan Pendedahan** - Anda mesti mengambil penjagaan munasabah untuk tidak salah nyata semasa menjawab soalan di dalam borang cadangan atau di dalam apa-apa permintaan yang dibuat oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ("Syarikat") dan memeriksa

maklumat yang anda berikan adalah lengkap dan tepat. Anda juga perlu mendedahkan semua maklumat yang relevan yang boleh mempengaruhi Syarikat bagi penerimaan insurans ini, memutuskan terma dan premium yang anda akan bayar. Jika anda tidak mengambil penjagaan munasabah dan maklumat yang diberikan oleh anda adalah tidak lengkap atau tidak tepat, ini boleh menjejaskan tuntutan anda. Tanggungjawab anda untuk menyediakan maklumat lengkap dan tepat apabila diminta oleh Syarikat hendaklah berterusan sehingga ke masa insurans itu dibuat oleh anda, membuat perubahan kepada atau memperbaharui insurans anda.

- **Pembayaran Sebelum Perlindungan** - Insurans ini tidak akan berkuat kuasa kecuali premium telah dibayar.
- Anda perlu memastikan bahawa kenderaan anda telah diinsuranskan kepada jumlah yang berpatutan.
- Ekses lain, ini adalah jumlah kerugian yang mesti ditanggung oleh anda sebelum kami membuat pampasan ke atas tuntutan kerosakan kenderaan anda. Jumlah ini ditentukan oleh kami bergantung kepada keadaan taja jamin

7. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian seperti:

- Kerugian turutan, susut nilai, haus dan lusuh, kerosakan mekanikal atau elektronik atau pemecahan.
- Peperangan dan risiko yang seumpamanya.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada contoh Dokumen Polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

8. Bolehkah saya membuat pembatalan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberitahu kami secara bertulis. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium berdasarkan kadar jangka pendek biasa seperti berikut, tiada bayaran balik premium sekiranya premium yang dikenakan adalah premium minimum:

Tempoh Insurans	Kadar Bayaran Balik Premium %
• Tidak melebihi 1 minggu	• 87.5% daripada premium tahunan
• Tidak melebihi 1 bulan	• 75.0% daripada premium tahunan
• Tidak melebihi 2 bulan	• 62.5% daripada premium tahunan
• Tidak melebihi 3 bulan	• 50.0% daripada premium tahunan
• Tidak melebihi 4 bulan	• 37.5% daripada premium tahunan
• Tidak melebihi 6 bulan	• 25.0% daripada premium tahunan
• Tidak melebihi 8 bulan	• 12.5% daripada premium tahunan
• Melebihi 8 bulan	• Tiada bayaran balik premium dibenarkan

9. Di mana saya boleh menghantar kereta saya untuk dibaiki sekiranya berlaku kerosakan akibat kemalangan?

Anda boleh menghantar kereta anda ke mana-mana bengkel yang kami luluskan supaya kami dapat memeriksa kereta anda sebelum memberi kelulusan untuk membaikinya. Anda diminta untuk mengambil tindakan munasabah bagi mengawal kereta anda dari kerugian atau kerosakan tambahan.

Bengkel yang kami luluskan merujuk kepada bengkel membaiki kereta yang diluluskan oleh kami, atau Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) di bawah Skim Bengkel Kereta Diluluskan PIAM (PARS), atau mana-mana bengkel kereta yang diberi kelulusan khas untuk digunakan.

10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

11. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat selanjutnya?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Insurans MSIG Motor Plus kami atau sebarang jenis produk insurans lain, sila hubungi kami di:

Syarikat Insurans:
MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
No. Pendaftaran 197901002705 (46983-W)
Bancassurance/ Affinity & Online:
Tingkat 16, Menara Hap Seng 2,
Plaza Hap Seng,
No. 1, Jalan P. Ramlee,
50250 Kuala Lumpur.
Talian MSIG Banca: 1800-88-6163
Faks : (603) 2070 5959
E-mel: bancahotline@my.msig-asia.com

Diedarkan oleh:
Hong Leong Bank Berhad
Tingkat 16, Hong Leong Tower,
No. 6, Jalan Damanlela,
Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

NOTA PENTING:
ANDA PERLU MEMASTIKAN BAHAWA KENDERAAN ANDA TELAH DIINSURANKAN SECUKUPNYA KERANA INI AKAN MEMBERI KESAN KE ATAS JUMLAH YANG ANDA BOLEH TUNTUT. PADA MASA BERLAKUNYA KEMALANGAN, ANDA MESTI BERURUSAN DENGAN BENGKEL YANG DILULUSKAN. JIKA MEMPUNYAI PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF DAN ANDA DIDAPATI TIDAK BERSALAH, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENYERAHKAN TUNTUTAN ANDA KEPADA SYARIKAT INSURANS. ANDA PERLU MENCALONKAN SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN YANG PENAMA ANDA SEDAR AKAN PERLINDUNGAN KEMALANGAN DIRI YANG TERMASUK DALAM POLISI INI YANG PERNAH ANDA BELI. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENASIHAT INSURANS ANDA ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK KETERANGAN LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam Helaian Pendedahan ini adalah sah pada 1 Mac 2024.